

Headline	Zahid Hamidi terima Ph.D, Surin Doktor Kehormat UPM	Language	MALAY
Date	14. Oct 2008	Page No	16
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	66 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	2025.69



Zahid Hamidi terima Ph.D, Surin Doktor Kehormat UPM.

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan menerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan pada majlis konvokesyen ke-32 Universiti Putra Malaysia (UPM), 18 hingga 22 Oktober ini.

Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, Ahmad Zahid akan menerima anugerah itu daripada Tuanku Canselor Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Nik Mustapha berkata, UPM juga akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada Setiausaha Agung Asean Dr. Surin Pitsuwan.

Katanya, 7,840 graduan pelbagai pengajian akan menerima ijazah dan diploma masing-masing semasa konvokesyen itu.

Sementara itu, UPM juga akan mengadakan syarahan awam oleh Dr. Surin pada Jumaat ini bermula pukul 4 petang.

Syarahan bertajuk *Kesepaduan ASEAN* yang akan diadakan di Panggung Percubaan UPM itu adalah bersempena majlis konvensyen universiti tersebut.